



LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada WARGANEGARA MALAYSIA yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

Jawatan : **PEGAWAI PERANCANG KORPORAT**
Taraf Jawatan : Kontrak
Gaji : Gaji yang ditawarkan akan mengambil kira tempoh pengalaman yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon

SYARAT LANTIKAN

- Calon-calon hendaklah memiliki sekurang-kurangnya **Ijazah Sarjana Muda (Perakaunan/Ekonomi/ Kewangan/Pengurusan Perniagaan)** atau lain-lain bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Mempunyai sekurang-kurangnya **7 tahun** pengalaman dalam bidang perancangan strategik, perkhidmatan korporat dan undang-undang serta pengurusan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Merancang, membangun dan memantau strategi dan objektif korporat FELDA berdasarkan misi dan visi syarikat
- Menjalankan kajian dan analisa yang mendalam dalam bidang perancangan strategik.
- Mempelajari dan mengekalkan pengetahuan yang mendalam terhadap produk dan perkhidmatan, aliran industri dan persaingan.
- Mengumpul dan menganalisa maklumat pasaran luaran dan dalaman dalam bidang komoditi sawit dan getah dan menilai kesan jangka panjang dari segi ekonomi.

PENGALAMAN DAN KEBOLEHAN YANG DIPERLUKAN

- Mahir dalam bidang perancangan strategik, komunikasi, mempunyai kemahiran analitikal dan interpersonal.
- Boleh bekerja dalam pelbagai disiplin (multi-disciplinary) di bawah pengawasan yang minima.
- Fasih berbahasa Melayu dan Inggeris (penulisan dan percakapan)
- Mempunyai nilai-nilai kepimpinan, kreatif dan bermotivasi.
- Keutamaan diberi kepada calon yang mahir dalam perisian komputer (Microsoft Office dan modul SAP).

CARA MEMOHON

- Permohonan jawatan kosong ini hendaklah menggunakan Borang Felda 1 Pindaan 1/2003 yang boleh didapati di Jabatan Sumber Manusia, Wisma Felda, Jalan Perumahan Gurney, 54000 Kuala Lumpur atau melayari laman web www.felda.net.my
- Permohonan daripada Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Kerajaan, Badan Berkanun atau Kuasa-Kuasa Tempatan hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi dan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemaskini.
- Semua permohonan hendaklah disertakan bersama salinan Kad Pengenalan, Ijazah/Sijil serta lain-lain dokumen sokongan yang telah disahkan dan sekeping gambar yang terbaru berukuran pasport hendaklah dihantar kepada:-

**PENGARAH SUMBER MANUSIA
WISMA FELDA
JALAN PERUMAHAN GURNEY
54000 KUALA LUMPUR
Tel : 03-26935066 samb. 352/354**

Tarikh tutup permohonan : 8 Januari 2010

CATATAN

Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Calon-calon yang tidak menerima jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.